

Raja Perlis tonggak agama negeri

Sebagai Ketua Agama, Baginda sentiasa menjuruskan perhatian secara serius terutama untuk memastikan umat Islam sentiasa mengamalkan sepenuhnya ajaran yang dianuti

Oleh BAZLI ABDUL RAHMAN
UM / 170510 / 11 / A / Perlis SOC

UMUM sedia maklum berhubung peranan Raja sebagai Ketua Agama negeri yang mana telah termaktub dalam Perlembagaan Negara.

Apabila memperkatakan mengenai Raja sebagai Ketua Agama Negeri, salah seorang yang sinonim dengannya adalah Tuanku Raja Perlis, Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail.

Sebagai Ketua Agama, Baginda sentiasa menjuruskan perhatian secara serius terutama untuk memastikan umat Islam sentiasa mengamalkan sepenuhnya ajaran yang dianuti.

Tuanku Syed Sirajuddin sebenarnya bukan baru dalam bidang agama Islam di negeri ini. Baginda pernah memegang jawatan Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs).

Sebelum Tuanku Syed Sirajuddin dimasyhurkan sebagai Raja Perlis, Baginda sudah menjadi Yang Dipertua MAIPs lebih 20 tahun.

Setelah menjadi Raja Perlis, tugas sebagai Yang Dipertua MAIPs terus dimandatkan pula kepada anakanda Baginda, Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail.

Menyentuh pembangunan masjid sepanjang 10 tahun pemerintahan Tuanku Raja Perlis sejak tahun 2000 hingga 2010, sebanyak 13 masjid atau 'rumah Allah' yang berharga kira-kira RM36 juta dibiayai oleh kerajaan negeri.

Daripada jumlah itu, lima daripadanya siap dibina pada 2003. Ia melibatkan Masjid Bukit Keteri di Chuping, Masjid Changkat Jawi di Mukim Kurung Anai, Masjid Chemumar di Mukim Sanglang, Masjid Gial di Mukim Oran dan Masjid Kok Kelang di Padang Siding.

Peruntukan kos bagi pembinaan Masjid Bukit Keteri ialah RM2.8 juta, Masjid Changkat Jawi (RM1.6 juta), Masjid Chemumar (RM1.4 juta), Masjid Gial (RM1.5 juta) dan Masjid Kok Kelang RM1.3 juta.

Bagi tahun 2004, sebuah Masjid Ameer Fawwaz bernilai RM1.9 juta siap dibina di Sungai Baru, Simpang Empat.

Setahun kemudian, iaitu 2005, masjid baru yang boleh memuatkan 600 jemaah siap dibina di Sungai Batu Pahat dengan kos RM2.7 juta.

Pada 2006, dua masjid lagi didirikan iaitu di Masjid Padang Besar (U), Mukim Titi Tinggi



RAJA Perlis Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail ketika merasmikan Masjid Babul Ibadah di Chemumar, Arau (kiri) dan Tuanku bersama Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail bersalaman dengan anak qariah salah sebuah masjid di Perlis.



di Padang Besar berharga RM3.3 juta dan Masjid Seriah yang boleh memuatkan 500 jemaah bernilai RM1.8 juta.

Bagi tahun 2007 pula, pembinaan masjid yang disediakan buat umat Islam yang siap dibina ialah Masjid Seberang Ramai dengan kos RM2.9 juta, Masjid Behor Empiang di Mukim Kechor berharga RM3.5 juta, sementara Masjid Tambun Tulang kosnya pula RM3.4 juta.

Selain ini, Masjid Nurul Yakin di Kampung Chantik Bangun dalam Mukim Sanglang dengan kos RM3.9 juta pula masih dalam pembinaan.

Buat masa ini juga, sebuah masjid yang berharga hampir RM4 juta iaitu Masjid Al-Hussein di Jeti Kuala Perlis yang kosnya dibiayai oleh seorang hamba Allah sedang dalam pembinaan.

Rakyat jelata, terutama umat Islam di Perlis juga sedia maklum bahawa sehingga kini sebanyak 14 buah masjid telah dirasmikan oleh Tuanku sendiri sepanjang 10 tahun pemerintahan Baginda.

Apa yang lebih membanggakan, sepanjang 10

tahun pemerintahan Baginda di Perlis, semua masjid di negeri ini telah diperkasakan melalui penstrukturan semua Jawatankuasa Kariah Masjid agar lebih tersusun dan terancang.

Di samping itu, aktiviti-aktiviti keilmuan dan kemasyarakatan diperbanyakkan bagi meningkatkan lagi amalan sunnah di Perlis.

Sehingga kini, terdapat 102 orang guru takmir dan majlis telah dilantik untuk mengajar agama di masjid dan surau dalam seminggu yang meliputi 196 buah kelas pengajian agama berlangsung di masjid dan surau yang telah ditetapkan.

Bagi majlis sambutan Maal Hijrah untuk memperingati perjuangan Rasulullah s.a.w dan para sahabat menyebarkan agama Islam ke seluruh pelosok dunia, Raja Perlis sentiasa 'turun padang' bersama rakyat jelata yang menganut Islam untuk menyambut Maal Hijrah.

Selain memfokuskan kepada institusi masjid, Tuanku Syed Sirajuddin sebenarnya cukup sensitif terhadap pendapatan dan perbelanjaan wang zakat dan fitrah.

Salah satu pesanan bermakna Baginda kepa-

da pihak Baitulmal Perlis, terutama melalui Pengarah Baitulmal Negeri, Mohd. Sokri Husin ialah, Baginda tidak mahu para penerima zakat itu terus diberi umpan, sebaliknya mereka wajar diberi sebatang pancing untuk mencari ikan.

Baginda menggunakan kiasan itu kerana tidak mahu pihak tersebut sentiasa bergantung sepenuhnya kepada Baitulmal tanpa berdikari untuk melepaskan diri daripada belunggu kemiskinan.

Sejak Baginda menjadi Raja Perlis mulai tahun 2000 hingga 2009, Baitulmal Negeri berjaya memperoleh pendapatan melalui wang zakat kira-kira RM119.3 juta manakala perbelanjaan untuk asnaf sepanjang tempoh yang sama pula kira-kira RM95.7 juta.

Jika dibuat perbandingan sepanjang tiga tahun terakhir, pendapatan wang zakat pada 2007 ialah RM17.6 juta, kemudian melonjak ke angka RM23.4 juta sebelum RM30.3 juta pada 2009.

Sepanjang tempoh yang sama pula, daripada segi perbelanjaan juga turut menunjukkan peningkatan, iaitu RM11.4 juta pada 2007,

diikuti RM21.9 juta tahun 2008 dan RM26.8 juta tahun 2009.

Berdasarkan perangkaan semasa, perbelanjaan itu pula turut menampakkan jumlah penerima semakin meningkat.

Mereka yang dimaksudkan berstatus penerima itu ialah fakir, miskin, amilin (orang yang menjalankan kerja bagi pengurusan zakat), muafiq, riqab (orang yang memerdekakan hamba), gharimin (orang berhutang), fissanillillah (untuk jalan Allah) dan Ibnu sabil (orang yang kesusahan dalam perjalanan).

Bagi melaksanakan tanggungjawab tersebut, sepanjang 2008, jumlah penerima yang berkongsi pengagihan zakat RM15.9 juta di Perlis melibatkan 18,099 orang.

Sepanjang 2009, Baitulmal Perlis menyalurkan RM26.8 juta sebagai bayaran zakat kepada 23,675 penerima.

Sepanjang Januari hingga Mac tahun ini, sebanyak 2,213 orang telah disalurkan pengagihan zakat berjumlah RM8.7 juta dan usaha dijalankan bagi memastikan bantuan zakat dapat disalurkan kepada lapan asnaf seperti yang disyaratkan.